

MINANGKABAU

DARI PERANG PADERI HINGGA DEWASA INI

Minangkabau sebuah negeri Melayu yang masyhur, negeri adat “yang tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan”, negeri pencipta kata-kata perbilang Melayu yang indah, negeri yang telah mengeluarkan pahlawan-pahlawan tanah air, alim ulama dan cerdik pandai yang kebilangan. Tataplah sesudut dari sejarahnya ditulis oleh Tuan “Tamar Jaya” penulis Islam yang terkenal. P.Q.

Oleh Tamar Jaya

Pada kira-kira tahun 1801 kembalilah tiga orang Haji ke Minangkabau dari mengerjakan rukun Islam kelima, iaitu Tuan-tuan Haji Miskin Pandai Sikek, Haji Piobang Paya Kumboh dan Haji Sumanek Tanah Datar. Selama di Mekah mereka menyaksikan perubahan perjalanan agama yang radikal sekali di bawah pimpinan Muhammad bin Abdul Wahab. Di sana berlaku peraturan-peraturan mengembalikan umat Islam ke jalan Tuhan dengan sepenuh-penuhnya. Contoh yang demikian, hendak dijalankan pula oleh ketiga orang Haji ini di Minangkabau, di mana umat memang lemah sekali tentang agama dan berani sekali melanggar peraturan-peraturan Tuhan.

Haji Miskin memulai usahanya itu di kampungnya sendiri, di kampung “Pandai Sikek”, Padang Panjang. Perbuatan yang dilarang agama, segera dihapuskan. Minum tuak, judi, merokok, menghisap madah, menyabung ayam dan lain-lain perbuatan terlarang.

Faham Wahabi yang dimasukkan segera di Minangkabau. Haji Miskin mendapat seorang teman dari Kaum Adat bergelar “Datuk Batuah”. Pertama kali dilarangnya orang

kampung “Pandai Sikek” menyabung ayam. Berhampiran dengan pasar di kampung tersebut, ada sebuah balai dua belas ruang panjangnya, beratap ijuk dihiasi dengan ukiran timah. Balai itu menjadi hiasan kampung dan dipergunakan untuk upacara-upacara perayaan atau rapat-rapat penghulu-penghulu, dan di antaranya untuk tempat menyabung ayam. Dengan tegas Haji Miskin melarang orang melakukan penyabungan ayam atau permainan lainnya di tempat itu, kerana bertentangan dengan agama Islam. Larangan itu tidak diperdulikan orang. Haji Miskin kerana jengkelnya pada suatu malam membakar balairong tersebut, hingga habis dimakan api. Sudah tentu sahaja rakyat marah akan perbuatan yang nekad itu. Dia dikejar beramai-ramai dan akhirnya dapat melarikan diri ke kota Lawas, berlindung kepada Tuanku Mansiangan. Dan beberapa hari sahaja Tuanku Mansiangan dapat dipengaruhinya. Tak lama kemudian terjadi pula keributan antara Kaum Adat dengan Haji Miskin dan Tuanku Mansiangan di Kota Laweh. Haji Miskin tak tahan tinggal lama di situ lalu ia

berpindah ke Kemang. Di sana ia diterima oleh Tuanku Nan Renceh, seorang ulama yang kenamaan.

Tuanku Nan Renceh ialah murid kepada Tuanku “Koto Tuo” (Kota Tua), ulama moden yang ingin mengadakan perubahan dalam negeri, mengubah adat-adat lama bertentangan dengan agama. Kedatangan Haji Miskin itu, segera mendapat persetujuan Tuanku Nan Renceh, yakni setelah Haji Miskin menerangkan pengalamannya selama ia di Mekah.

Haji Miskin, Haji Sumanek dan Haji Piobang, masing-masing menyatakan dirinya sebagai pelopor perubahan baharu itu. Dan tiap-tiap seseorang mengadakan perjumpaan ramai, selalu mengadakan keputusan melarang orang menyabung ayam dan lain-lainnya. Mereka bertiga berhubung rapat dan sama-sama berjuang ke arah tujuan itu. Daerah itu hampir seluruhnya dapat dipengaruhi oleh Tuanku Nan Renceh dan Haji Miskin dengan faham baharu.

Kesan balas Kaum Penghulu tentu sahaja sangat keras. Tuanku Nan Renceh mengadakan persidangan alim ulama di Luak, yang dihadiri oleh delapan orang. Iaitu Tuanku Nan Renceh dari Kamang, Tuanku Lubuk Aur dari Cendong, Tuanku Berapi dari Bukit Cendong, Tuanku Ladang Lawas dari Batu Hampar, Tuanku Padang Luar, Tuanku Galung dari Sungai Puar, Tuanku Biaro dan Tuanku Kapau.

Mereka telah memutuskan akan berjuang melaksanakan rancangan Haji Miskin untuk melawan Kaum Adat dengan kekerasan. Mereka dimasyhurkan dengan gelaran “Harimau Nan Selapan” kerana mereka berjuang dengan sangat bengis laksana harimau dalam hutan. Ketika mereka hendak memulai perjuangannya, terlebih dahulu mereka meminta pertimbangan kepada Tuanku Koto Tuo (Kota Tua) iaitu ulama yang dianggap sebagai guru besar dan sangat berpengaruh tentang maksud rancangan mereka.

Orang tua itu tidak menyetujui gerakan mereka, yakni menjalankan agama dengan cara kekerasan.

Beliau lebih suka menjalankan ajaran agama itu seperti biasa iaitu, lemah lembut dan bijaksana. Kerana pendirian yang bertentangan ini, akhirnya terjadilah pertentangan antara kedua golongan ini, Tuanku Nan Renceh berpendapat bahawa ajaran agama itu hendaklah dijalankan dengan kekerasan. “Orang yang tidak sembahyang dan tidak menurut perintah Quran seperti yang semestinya, boleh dirampas jiwa dan harta benda, demikian menurut hukum fikah.”

Tuanku Koto Tuo yang menjawab menyabarkan hati muridnya itu, rupanya telah menemui kegagalan. Akhirnya beliau berkata, bahawa beliau tak dapat menyertai gerakan tersebut selama mereka mempergunakan kekerasan, kerana bertentangan dengan ajaran agama, dan beliau telah membayangkan kekacauan besar akan meliputi seluruh Minangkabau. Maksud mereka hendak mengemukakan Tuanku Koto Tuo menjadi ketua gerakan baharu itu ternyata gagal. Dengan nasihat Haji Miskin, Tuanku Nan Renceh kemudian pergi menemui ulama besar yang lain, yang tidak kurang besar pengaruhnya dari Tuanku Koto Tuo. Ulama itu ialah Tuanku Mansiangan di Kota Lawas. Dengan ringkas, Tuanku Mansiangan setuju dan bersedia menjadi ketua dalam gerakan tersebut, dalam erti pembimbing dari gerakan Paderi yang baharu didirikan itu.

Rapat Besar

Dengan perasaan yang amat puas, Tuanku Nan Renceh kembali ke kampung dan segera mengadakan rapat besar dari seluruh rakyat dan serta penghulu-penghulu. Dalam rapat samudera itu, Tuanku Nan Renceh berpidato menyatakan pendirian partinya dan tujuan serta rancangan yang akan dijelankannya. Diumumkannya simbol gerakan Paderi

iaitu berpakaian putih. Dan waktu itu memang Tuanku Nan Renceh memakai jubah serta serban putih. Di antara pidatonya itu adalah seperti berikut:

“Kami telah banyak sekali melihat kelonggaran dilakukan orang, dan kami dengan gerakan ini bermaksud akan menyuruh kaum Muslimin menjalankan perintah Tuhan menurut semestinya dengan kekerasan. Terhadap orang yang tidak mahu menuruti, akan diambil tindakan keras. Kami akan menjalankan peraturan agama sampai dipegang teguh oleh kaum muslimin, tidak seperti yang sudah-sudah ini, di mana orang mengaku juga Islam tetapi sentiasa berbuat pekerjaan haram sehari-hari. Semua orang hendaklah sembahyang lima kali sehari semalam. Orang tidak boleh merokok, makan sيره, menghisap madah, minum arak, menyabung ayam, dan main dadu. Lelaki dilarang memakai emas, dan mereka hendaklah memanjangkan janggut sebab Nabi berjanggut dan memakai pakaian putih sebagai tanda menjadi anggota Paderi untuk menghadapi kaum “hitam” yang menjadi penghalang dari gerakan itu. Perempuan wajib menutup mukanya. Baik lelaki mahu pun perempuan dilarang mandi telanjang. Barangsiapa yang melanggar aturan-aturan tersebut, akan dihukum mati, harta miliknya akan dirampas sebab begitulah yang semestinya”.

Demikianlah bunyi pidato yang diucapkan berapi-api itu. Hangat sekali susunan rapat tersebut. Berbeza pendapat orang yang mendengarnya. Ada yang setuju, tetapi banyak pula yang tidak setuju. Terutama Kaum Penghulu yang pada hakikatnya adalah menjadi raja yang menguasai rakyat, merasakan sangat gelisah kerana bererti kekuasaan mereka telah habis dan pindah kepada kaum agama. Kekuasaan Kaum Adat akan dilanda begitu sahaja rupanya oleh kaum agama secara kekerasan. Dan mereka yang mengaku beragama Islam juga dan mengaku pengikut

Ahli al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, kini mendapat tentangan keras dari golongan yang mengadu dirinya kaum Wahabi yang dikepalai oleh Tuanku Nan Renceh.

Sungguhpun demikian di dalam rapat itu, tak seorang pun diantara penghulu-penghulu itu yang berani menentang Tuanku Nan Renceh.

Semenjak adanya rapat besar itu, mulailah Tuanku Nan Renceh menjalankan rancangannya. Di antara penghulu-penghulu yang sebenarnya tidak menyetujui, terpaksa juga ikut serta membantu gerakan tersebut, kerana takut, tetapi mencuba berusaha supaya kekerasan jangan sampai berjalan. Di samping itu banyak pula orang yang menyangsikan (syak wasangka – P) kepada perkataan Tuanku Nan Renceh itu, apa benarkah ia akan melakukan kekerasan? Pertanyaan itu akhirnya terjawab dengan sikap Tuanku Nan Renceh menyuruh bunuh bininya sendiri kerana tidak mahu dilarang memakan sيره. Tahulah orang bahawa Nan Renceh tidak bermain-main dengan perkataannya. Maka takutlah orang kepadanya.

Mulai pertarungan

Sikap “Harimau Nan Selapan” telah menggemparkan seluruh Minangkabau. Kaum Adat sangat gelisah dengan gerakan agama yang baharu itu. Tetapi tidak semua mereka merasa takut, malah suatu kumpulan penghulu telah mencuba secara berani mengadakan tentangan terhadap gerakan Paderi (yakni gerakan alim ulama yang berfahaman Wahabi yang diketuai oleh Tuanku Nan Renceh – P). Suatu kali Kaum Penghulu (Kaum Adat – P) mengadakan keramaian menyabung ayam di Bukit Batuah. Hal ini memang dimaksudkan untuk memperlihatkan tentangan terhadap gerakan Tuanku Nan Renceh. Pada mulanya Tuanku Koto Tuo telah mencuba memberi nasihat kepada mereka supaya keramaian itu diurungkan (dibatalkan – P.) sahaja, dan dinyatakan

pula bahawa menyabung ayam tu adalah perbuatan aniaya yang dilarang Tuhan. Pendapat yang diucapkan di dalam sesebuah rapat ulama dan penghulu-penghulu itu, tidak diendahkan oleh Kaum Adat (penghulu-penghulu itu dan anak buahnya – P). Mereka terus juga melakukan pekerjaannya.

Di situlah permulaan terjadinya perang saudara antara Kaum Paderi dan golongan Kaum Adat. Paderi berpakaian putih dan Kaum Adat berpakaian hitam.

Kejadian itu ialah di dalam tahun 1803, belum berapa sekebalinya Haji Miskin dan rakan-rakannya dari Tanah Suci. Alangkah cepatnya perkembangan gerakan Paderi itu? Begitu cepatnya sehingga mendapat pengikut yang banyak dan kuat, hingga sanggup menghadapi Kaum Adat yang begitu besar. Ini tak dapat dielakkan pula, apabila kita mengingat bahawa agama Islam telah lama masuk ke daerah itu. Gerakan perubahan baharu sebenarnya telah lama dikerjakan oleh Tuanku Koto Tuo, Tuanku Mansiangan, Tuanku Nan Renceh dan lain-lainnya, tetapi hanya dilakukan secara perlahan-lahan belaka. Bertindak secara berani mereka belum mahu kerana dilarang oleh Tuanku Koto Tuo. Ketika Haji Miskin dan rakan-rakannya kembali dari Tanah Suci dan memberikan cerita tentang gerakan Wahabi di Mekah, baharulah mereka mendapat angin. Api yang sudah siap bergejolak (melonjak) dituangi benzene oleh gerakan Wahabi. Itulah pada hakikatnya yang menyebabkan cepatnya gerakan ini berpengaruh di Minangkabau. Dalam pertarungan (pertelagahan – P) di Bukit Batuah itu, Kaum Paderi mendapat kemenangan.

Semenjak kejadian itu, Kaum Paderi menjalankan gerakan kekerasan ke seluruh kampung. Orang yang menyabung ayam dihukum dan balairung pun dibakar. Sikap kekerasan ini telah meliputi hampir sekalian

ahli-ahli agama. Kaum Adat pula membalas dengan merosakkan masjid, surau dan kitab-kitab agama.

Di mana-mana terjadi peperangan antara Kaum Paderi dan Kaum Adat. Tuanku Imam telah mendirikan satu cabang Paderi di Bonjol. Pendeknya dalam keributan alam Minangkabau yang hebat dahsyat itu, bukan sedikit korban jiwa harta benda dan kerosakan negeri akibat gerakan baharu itu. Minangkabau digenangi darah manusia dari kedua belah pihak.

Melihat gelagat bahawa Kaum Paderi nampaknya akan dapat menguasai seluruh Minangkabau, maka Kaum Adat mendapat akal.

Tuanku Suruaso yang mengatakan dirinya Raja Minangkabau datang meminta bantuan Raffles (Inggeris) yang pada waktu itu berkuasa di Padang, bagi melawan Kaum Paderi. Ketika Raffles datang ke Minangkabau melihat keadaan, menyatakan bahawa kekuatan Inggeris yang ada di Padang tak cukup menghadapi kekuatan Paderi. Ertinya permintaan Kaum Adat yang menamakan dirinya utusan kerajaan Minangkabau ini gagal.

Kemudian, setelah Padang kembali menjadi kepunyaan Belanda, dan Inggeris pun meninggalkan daerah itu, balikkah Kaum Adat meminta bantuan Belanda pula bagi menghancurkan Kaum Paderi.

Mereka bersedia menyerahkan Minangkabau kepada Belanda, asalkan Kaum Paderi dapat dikalahkan. Belanda menerima dengan sukacita. Demikianlah Belanda memberikan bantuan soldadu dan alat senjata sebanyak-banyaknya untuk mengalahkan Kaum Paderi.

Minangkabau di bawah kuasa Belanda
Pada 10 Februari 1821, Residen “Du Puy” yang mewakili pemerintah Belanda di Betawi telah mengadakan suatu perjanjian dengan Tuanku “Suruaso” serta 14 orang Penghulu sebagai wakil kerajaan Minangkabau.

Perjanjian itu berbunyi: “Penghulu-Penghulu Minangkabau menyerahkan Pagar Ruyung, Sungai Tarib dan Suruaso serta daerah kerajaan Minangkabau selebihnya kepada Belanda.”

Dengan surat perjanjian itulah Belanda memulai serangan terhadap gerakan Paderi

Demikianlah terjadi peperangan besar antara Kaum Paderi dengan pasukan-pasukan Belanda berpuluh-puluh tahun lamanya.

Peperangan yang dimulai tahun 1803 itu telah berakhir pada tahun 1838 selama 35 tahun.

Tuanku Imam Bonjol telah mengambil peranan membela daerah Minangkabau selama 16 tahun termasuk empat tahun istimewa membela Bonjol dari penaklukan Belanda.

Demikianlah perjalanan agama di Minangkabau, semenjak permulaan tersiarnya sampai kepada perjuangan menegakkan hukum-hukum agama itu di tengah-tengah masyarakat, dan kemudian dengan mengalami peperangan berpuluh-puluh tahun akhirnya Minangkabau dapat dikuasai oleh pemerintah Belanda. Sungguhpun demikian namun kehidupan agama di daerah itu, tak pernah merasa redup melainkan selalu mencari jalan untuk berkembang dan maju.

Setelah Perang Imam Bonjol diakhiri, beberapa lama kehidupan agama agak terdiam. Baharulah pada awal abad kedua puluh kembali jiwa kehidupan agama digerakkan lagi secara baharu. Kembalinya beberapa orang ulama dari Mekah, iaitu Dr Hj Abdullah Ahmad (Padang), Syaikh Muhammad Jamil Jambek (Bukittinggi), Syaikh Ibrahim Musa (Parabek), Syaikh Abbas (Padang Japang), Syaikh Muhammad Taib (Sungayang), Syaikh Muhammad Rasyid (Maninjau) dan lain-lainnya, kembali gerakan agama secara baharu, dikobarkan pula dengan berbagai-bagai jalan.

Mereka masing-masing mendirikan pondok pesantren, yang di dalamnya diajarkan pengetahuan agama secara moden. Dr Abdullah mengambil jalan dengan persuratkhabaran dengan menerbitkan “al-Munir”. Syaikh Jamil Jambek mengambil peranan dengan pidato di muka umum keliling, sedangkan Dr Abdulkarim Amrullah mengambil peranan pula dengan mengarang buku-buku agama. Masing-masing melakukan tugas menyebarkan agama secara baharu, di samping mereka mendirikan pesantren secara kuno.

Pemuda Zainal Abidin Lebai mengambil jalan memperbaharui sekolah-sekolah Islam dengan sistem sekolah menurut aturan barat, dengan mendirikan “Diniyyah School” di Padang Panjang.

Sistem ini kemudian diikuti oleh seluruh sekolah “*tawālib*” yang dibangunkan oleh alim ulama dan sampai sekaian masih hidup dengan suburnya di daerah itu.

Dari situlah keluarnya pemuda-pemuda Islam yang berjiwa dinamis dan moden, yang kemudian mereka menjadi anggota masyarakat yang dapat dipergunakan oleh bangsa. Ada di antara mereka yang menjadi pemimpin parti politik, menjadi wartawan, menjadi saudagar, dan menjadi ulama yang besar.

Itulah perkembangan agama Islam di Minangkabau yang dapat disaksikan hasil dan buahnya sampai sekarang.

Agama Islam di Minangkabau adalah satu pegangan hidup yang hakiki dan daerah itu merupakan daerah yang seratus peratus beragama. Di sana tidak ada agama lain selain Islam, kecuali dari suku lain yang hidup merantau di daerah tersebut. Penduduknya lelaki perempuan semuanya beragama Islam dan fanatik agama yang kukuh kuat. Sampai sekarang keadaan itu dapat disaksikan dengan nyata.